



## **TALKING POINTS**

**YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad**

Menteri Wilayah

**MAJLIS PELEPASAN PENERBANGAN PERTAMA MALINDO AIR  
KE WP LABUAN  
2 OGOS 2018 | 12.00 T/HARI**

---

### **PENDAHULUAN**

- Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini bagi menyaksikan detik bersejarah penerbangan pertama Malindo Air ke WP Labuan. Jutaan terima kasih kepada pihak Malindo Air yang telah merealisasikan hasrat kerajaan melalui Kementerian Wilayah di bawah program-program inisiatif mensejahterakan rakyat WP Labuan.

### **LATAR BELAKANG**

- Jika disorot kembali, sejak tahun 2015, Kementerian Wilayah komited menyelesaikan masalah perhubungan yang dibangkitkan oleh rakyat Labuan, *business-business traveller* dan para pelancong mengenai masalah kekurangan penerbangan dari WP Labuan ke Kuala Lumpur dan juga ke Kota Kinabalu.

- Bukan sahaja membuka laluan baharu, tetapi pihak Malindo Air turut membenarkan *frozen seafood as checked-in baggage* dengan kos pengendalian pada hanya RM20.00 yang tidak dibenarkan oleh operator-operator penerbangan lain. Ini sekaligus dapat membantu perkembangan industri *frozen seafood* dan juga memberikan pendapatan kepada nelayan tempatan di WP Labuan.

## **IMPAK PROGRAM INI KEPADA RAKYAT**

- Setelah ekonomi WP Labuan terkesan dengan kejatuhan industri minyak dan gas, pelbagai inisiatif mensejahteraan rakyat dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah. Program Labuan *Go Green* iaitu inisiatif penanaman 30 ribu benih pokok kelapa pelbagai varieti serta pokok buah-buahan bakal menjadikan WP Labuan sebagai destinasi agro pelancongan terkemuka dunia pada masa akan datang. Ini sekaligus membolehkan penduduk tempatan menjana pendapatan sendiri daripada hasil penanaman pokok kelapa dan pokok buah-buahan tersebut selain untuk kegunaan harian keluarga.
- Diharapkan semua usaha baik yang dilaksanakan oleh kerajaan kepada komuniti WP Labuan akan membuahkan hasil serta dapat membuat anjakan paradigma kepada pendapatan bulanan mereka sekaligus mengubah corak kehidupan penduduk WP Labuan kepada yang lebih baik dan sempurna.
- Kerajaan memandang serius situasi ekonomi di WP Labuan supaya kekayaan dan hasil negara dapat dikongsi secara sama rata. Insya

Allah semoga segala usaha yang baik ini mendapat rahmat dari Allah SWT.

- Terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (*Civil Aviation Authority of Malaysia*) dan Malaysia Airport Holdings Berhad di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan program pada hari ini. Juga kepada pihak MARDI, Jabatan Pertanian dan Mardi Corporation yang sedang bekerjasama dalam pelaksanaan program-program inisiatif mensejahterakan rakyat WP Labuan. Untuk itu marilah kita bersama-sama berdoa agar perjalanan ini sentiasa dalam lindungan Ilahi. Insya Allah.
- "Subhanallahisaqorolanahazawamakunnalahumuqrininawainnailarobbinalamunqolibun. Amin. "
- Dengan rasminya saya membuat pelepasan penerbangan pertama Malindo Air OD 1900 dengan pesawat Boeing 737 ke WP Labuan. Kepada semua penumpang, jangan lupa beli *frozen seafood* di Labuan yang segar, murah dan berkualiti! Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.